



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	17/12/2019	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	JPS / BANJIR			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

RINGKAS

Lima kawasan mula dilanda banjir

Jempol: Lima kawasan di daerah ini mula dilanda banjir mulai kelmarin, susulan hujan berterusan sejak minggu lalu.

Kawasan itu adalah Kampung Batu Bakar, Taman Meranti dan Taman Jaya di Bahau, Kampung Gajah Mati di Batu Kikir dan Felda Palong 7, di sini.

Penolong Pegawai Angkatan Pertahanan Awam (APM) Jempol, Mohd Loqman Nur Hakim Ruzali berkata, keadaan banjir terkawal dan hanya enam rumah dinaiki air, semalam.

“Setakat ini, tiada pusat pemindahan sementara (PPS) dibuka di daerah ini. Bagaimanapun, anggota APM berada di lokasi terjejas dan menjalankan pemantauan.

“Beberapa kawasan yang dinaiki air, kelmarin mula surut berikutan cuaca cerah hari ini (semalam). Namun, kita berada dalam keadaan bersiap sedia kerana paras air sungai tinggi,” katanya.

Beliau turut menasihatkan penduduk sentiasa bersiap sedia dan mengikut arahan pihak keselamatan sekiranya diarah berpindah ke PPS.

Sementara itu, Jurutera Jabatan Kerja Raya (JKR) Jempol, Rosdi Abu Bakar berkata, Jalan Palong 14, 15 dan 16 tidak boleh dilalui kenderaan berikutan dinaiki air setinggi 0.5 meter.

Menurutnya, pengguna boleh menggunakan jalan alternatif iaitu Jalan Palong 7 dan 8 untuk ke Pasir Besar.

**Hanya 6
rumah
dinaiki air
semalam**